

SIARAN BERITA

MyCC Melancarkan Dua Buku Mengenai Tipuan Bida: “Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam” dan “*Help Us Detect Bid Rigging*”

KUALA LUMPUR, 23 Jun 2014 – Pegawai-pegawai perolehan awam memainkan peranan yang penting dalam mengesan tipuan bida, maka adalah mustahak bagi mereka untuk berpengetahuan mengenai tipuan bida, kata Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) semasa pelancaran dua buku: “Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam” dan “*Help Us Detect Bid Rigging*” oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini.

Dato' Sri Hasan Malek, telah diwakili oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md Hanipah, dalam ucapan pelancarannya turut menekankan bahawa perolehan awam merupakan aktiviti kerajaan yang penting kerana ianya memberi kesan kepada ekonomi negara.

Kajian oleh *Organisation of Economic Co-operation and Development* (OECD) menunjukkan perolehan kerajaan sesebuah negara merupakan sebahagian besar dari ekonomi negara dengan 10 hingga 15 peratus peruntukan dari belanjawan negara di negara maju dan sehingga 20 peratus di negara membangun.

“Di Malaysia perolehan awam adalah amat penting untuk bukan sahaja memenuhi keperluan seharian, tetapi juga untuk mencapai objektif sosio-ekonomi serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Laporan-laporan ekonomi Malaysia menunjukkan perbelanjaan untuk perolehan sepanjang sepuluh tahun lepas berada di lingkungan 24 sehingga 33 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan peratusan ini dilihat sebagai jumlah yang tinggi jika dibandingkan dengan kebanyakan negara OECD lain,” menurut beliau.

Tipuan bida merupakan larangan dibawah Seksyen 4(2)(d) Akta

Persaingan 2010 dan perusahaan yang didapati bersalah boleh di denda sehingga 10 peratus daripada nilai pusingan sedunia perusahaan tersebut. Amalan tipuan bida oleh petender-petender semasa prosedur perolehan awam merupakan ancaman besar untuk institusi awam, terutamanya berhubung pelaburan-pelaburan kos intensif dan dari segi teknologi dan projek-projek. Pendekatan yang proaktif oleh badan-badan perolehan untuk mengesan dan menghalang manipulasi tipuan bida boleh membawa kepada peningkatan dalam penjimatan sejurusnya meningkatkan belanjawan dan reputasi sektor awam, ujar Menteri lagi.

Menurut Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Sri Siti Norma Yaakob, beliau berharap agar kerjasama strategik dapat dimeterai antara MyCC dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk memupuk persefahaman yang lebih baik dan usahasama dalam memerangi isu tipuan bida pada peringkat kebangsaan.

Turut hadir pada majlis pelancaran adalah Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj dan Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Azmi bin Lateh.

Selain daripada pelancaran buku mengenai tipuan bida, MyCC juga menjalankan bengkel mengenai tipuan bida pada hari yang sama dan dihadiri lebih 150 pegawai-pegawai perolehan awam dari pelbagai agensi Kerajaan. MyCC telah menganjurkan bengkel yang sama buat pertama kalinya pada bulan Jun tahun lepas.

Penceramah-penceramah yang telah diundang ke majlis ini ialah En. Antonio Capobianco, Pakar Undang-undang Persaingan OECD, En. Hong-Geun Kim, Timbalan Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kartel, *Korea Fair Trade Commission* (KFTC), dan En. Ahmad Junaidi, Pengarah Prosiding Undang-undang, Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU), Indonesia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, merupakan moderator bagi perbincangan panel yang terdiri daripada ahli panelis berikut: Tn. Hj. Shahrul Kamal Bin Osman dari Kementerian Kewangan Malaysia, Dato' Han Chee Rull dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Mr. Raja Sunthara Kannan dari Jabatan Audit Negara dan Pn. Wan Khatina, Pengarah Penyelidikan, Institut Penyelidikan Khazanah.

Buku "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam"

UNTUK TERBITAN SEGERA MEJA BERITA/EKONOMI



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

pada asalnya merupakan penerbitan OECD yang telah diterjemahkan oleh MyCC ke dalam Bahasa Malaysia. MyCC juga telah menghasilkan buku "*Help Us Detect Bid Rigging*" yang amat berguna bagi merangka cara mengesan dan menghalang manipulasi tipuan bida. Buku ini akan turut diterbitkan dalam versi Bahasa Malaysia pada masa akan datang.

Kedua-dua penerbitan boleh dimuat turun secara percuma dari laman web MyCC, www.mycc.gov.my. Sebarang pertanyaan mengenai program advokasi boleh diemelkan kepada spiad@mycc.gov.my.

---tamam---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web

**UNTUK TERBITAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**



**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**

www.mycc.gov.my.